

KHUTBAH JUMAAT

"BUDAYAKAN TABAYYUN ELAKKAN PENIPUAN" (26 April 2024M/ 17 Syawal 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ اللَّهُ رَحْمَةً
لِلْعَالَمِينَ، وَإِمَاماً لِلْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَسَيِّداً لِلْأَوَّلِينَ وَالآخِرِينَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِيهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Iman dan takwa, menyinari hati umpama pelita, menyemarakkan kebaikan dalam diri, memimpin insan ke jalan yang mulia, menghakis sifat yang tercela, menyuburkan kasih dan cinta, ke arah kesejahteraan dunia dan akhirat.

Justeru, marilah kita bersama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan, dengan menunaikan segala perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan menjauhi semua tegahan. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, menjadi contoh dan ikutan insan yang lain.

Jagalah adab Solat Jumaat, usahlah bercakap-cakap dan bermain telefon bimbit serta berilah perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Mudah-mudahan kita mendapat panduan dan

ganjaran pahala yang sempurna. Khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "**Budayakan Tabayyun Elakkan Penipuan**".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Islam adalah agama yang menjunjung sifat keadilan dalam kehidupan manusia. Adil bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya. Di dalam kehidupan manusia secara umum, sesuatu urusan itu perlu diletakkan pada tempatnya yang betul supaya natijah yang dihasilkan adalah baik. Oleh sebab itu, Islam menganjurkan umatnya agar sentiasa melakukan 'Tabayyun' dalam sesuatu perkara supaya dapat menetapkan sesuatu itu benar-benar berada pada tempatnya dan mengelakkan daripada membuat keputusan yang salah.

Tabayyun merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud mencari dan menyemak asas kebenaran terhadap sesuatu perkara yang berlaku. Setiap berita atau maklumat yang diterima harus diteliti dan dipastikan terlebih dahulu kebenarannya. Hal ini perlu dilaksanakan bagi mengelakkan daripada wujudnya sebarang prasangka dan berlakunya perkara yang tidak baik seperti menipu, memfitnah, membenci dan memburukkan seseorang. Perintah untuk melakukan tabayyun adalah merupakan perintah Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Hujurat, ayat 6:

يَأَيُّهَا آلَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبِيٍّ فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَلٍ
فَتُضْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَدِيمَنَ (٦)

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpa sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Manusia pada zaman ini lebih banyak menggunakan jaringan perhubungan di alam maya berbanding dengan hubungan secara lisan. Hal ini telah menyebabkan banyak berita dan maklumat palsu mudah tersebar luas dalam masyarakat. Bahkan ada dalam kalangan mereka yang mengambil kesempatan dengan melakukan penipuan di alam maya dan telah berjaya mengaut keuntungan dengan jalan yang haram.

Sesungguhnya, Allah *subhanahu wata'ala* memerintahkan setiap manusia agar mencari dan memperolehi harta dengan cara yang halal dan bukannya melalui cara yang haram dan batil. Namun, pada hari ini, kegiatan penipuan di alam maya telah banyak berlaku dan sudah pasti melibatkan pengambilan harta orang lain secara batil. Mereka berjaya menipu dan memperdaya masyarakat, tanpa mengambil kira latar belakang atau siapa bakal mangsa mereka.

Kes melibatkan penipuan di alam maya ini semakin meningkat di seluruh negara. Berdasarkan statistik, jumlah kes penipuan dalam talian yang dilaporkan di seluruh negara bagi tahun 2020 hingga

2023 adalah sebanyak 107,716 kes yang melibatkan kerugian mencecah RM3.2 billion.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengenal pasti beberapa kaedah dan modus operandi yang digunakan melalui internet dan media sosial. Antaranya adalah *Phone Scam*, *Love Scam*, jenayah e-Dagang, aplikasi tidak sah, pelaburan atau pinjaman tidak wujud, penyamaran sebagai pihak berkuasa seperti pegawai polis, wakil mahkamah, pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri, pegawai bank dan sebagainya.

Penipuan tersebut adalah melalui pelbagai kaedah dan cara termasuk ugutan dengan tujuan bagi menakut-nakutkan mangsa agar mereka terpedaya sehingga membuat pembayaran atau pindahan dana serta mendedahkan maklumat peribadi termasuk kata laluan akaun peribadi dan data perbankan. Akhirnya, puluhan ribu wang simpanan mangsa yang disimpan telah berjaya diambil dengan cara yang batil.

Ada juga masyarakat yang ingin mencari pendapatan lebih, terpedaya dengan habuan kewangan yang ditawarkan. Tanpa disedari mereka telah dipergunakan oleh penjenayah sebagai akaun keldai atau akaun tumpang. Sebagai pemilik akaun, mereka akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya ke atas transaksi kewangan yang tidak sah dan menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh penjenayah. Walaupun seseorang itu merasakan dirinya sekadar memberi pinjam akaun sebagai akaun keldai atau akaun tumpang, hakikat yang tidak disedarinya ialah bersubahat dalam membantu

penipu untuk memperoleh harta secara batil. Ingatlah perintah Allah *subhanahu wata'ala* berkaitan dengan dosa besar ini. Firman Allah *subhanahu wata'ala* berfirman di dalam surah An-Nisa', ayat 29:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَنَّكُمْ بِالْبَطْلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجْرِةً
عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا (٢٩)

Maksudnya: Wahai orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Khatib ingin berpesan dan mengingatkan kepada semua agar sentiasa berwaspada dan mengelakkan diri daripada menjadi mangsa atau terlibat secara langsung atau pun tidak langsung dengan jenayah ini. Antara langkah keselamatan yang boleh kita ambil ialah:

Pertama : Amalkan tabayyun dalam setiap urusan dalam kehidupan kita. Semak dan rujuk pihak berkuasa dan jabatan yang berkaitan untuk mendapatkan pengesahan tentang sesuatu perkara. Janganlah dilayan sebarang panggilan telefon daripada pihak yang tidak dikenali, segera putuskan panggilan jika berasa curiga atau takut.

Kedua : Bagi mereka yang menggunakan telefon pintar, elakkan daripada menekan sebarang pautan yang diterima daripada pihak yang tidak dikenali, atau memuat turun sebarang pautan yang meragukan untuk mengelakkan daripada terdedahnya maklumat peribadi kita.

Ketiga: Ahli keluarga, khususnya anak-anak yang telah dewasa, perlulah sentiasa memantau dan mengingatkan kepada kedua orang tua mereka yang sudah lanjut usia tentang penipuan di alam maya ini. Dapatkan panduan pelbagai pihak termasuk ahli keluarga sebelum melakukan pindahan wang dengan jumlah yang besar dan mencurigakan.

Marilah kita bersama-sama menjaga diri daripada terlibat dengan jenayah penipuan ini. Ingatlah bahawa setiap perlakuan dan perbuatan yang kita lakukan di dunia ini akan dipertanggungjawabkan setiap satunya oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Sesungguhnya, kenikmatan dunia yang sementara dalam bentuk harta dan wang ringgit yang diperoleh dengan cara yang haram itu tidak akan bertahan lama kerana telah hilang keberkatannya. Mereka yang mengumpulkan harta dengan cara yang tidak halal akan tersungkur ke lembah kehinaan pada penghujung hayatnya, dan di akhirat akan diazab dan diseksa oleh Allah *subhanahu wata'ala* dengan seksaan yang tidak terperi sakitnya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Akhirnya, di penghujung khutbah ini, sebagai rumusan untuk peringatan dan panduan kita bersama:

Pertama : Patuhi segala panduan dan ajaran yang terkandung di dalam al-Quran.

Kedua: Amalkan tabayyun dengan meneliti dan menyemak segala sesuatu yang diterima bagi memastikan kebenarannya, antaranya dengan merujuk maklumat yang betul, contohnya laman Facebook Amaran Scam dan pelbagai sumber lain yang sahih.

Ketiga: Hindari diri daripada terlibat dengan jenayah-jenayah yang dilakukan di alam maya kerana perkara tersebut merupakan satu kezaliman terhadap orang lain.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah al-Baqarah, ayat 9 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يُخَدِّغُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ ءاْمَنُوا وَمَا يَخْدِغُونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ (٩)

Maksudnya : Mereka hendak memperdayakan Allah dan orang-orang yang beriman, padahal mereka hanya memperdaya dirinya sendiri, sedang mereka tidak menyadarinya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلٰهَ اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Berdasarkan keadaan cuaca panas dan kering akibat fenomena El Nino yang dijangka berterusan sehingga suku kedua tahun 2024, dan fasa peralihan monsun yang dijangka berterusan sehingga Mei 2024 yang lazimnya membawa hujan lebat berserta angin kencang dalam jangka masa yang singkat, maka khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya bencana di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, teruskanlah mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قال الله تعالى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُقَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمَهْدِيْيَنَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِيْنَ لَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, perang dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara

kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dada. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا صَلَاتَنَا وَصِيَامَنَا وَقِيَامَنَا وَتَخْشُعَنَا وَتَضَرُّعَنَا وَتَعْبُدَنَا وَتَمِّمْ
تَقْصِيرَنَا، يَا اللَّهُ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. رَبَّنَا أُتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَفِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ، أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحَسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَدْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةِ.